

# Undi kepada BN penentu masa depan

GEORGETOWN, Rabu — Setiap satu undi yang diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional (BN) adalah "penentu" bahawa sebuah kerajaan yang kuat dan mampu mem-bela kepentingan semua kaum, diteruskan di negara ini.

Oleh itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mo-hamad berkata, setiap orang tidak seharusnya berfikir ba-hawa untuk menubuhkan ke-rajaan, majoriti dua pertiga itu boleh diperolehi tanpa undi mereka atau undi itu ti-dak perlu datangnya daripa-da mereka.

"Soalnya, kita tidak tahu ke-rusi yang mana akan dime-nangi. Jadi, setiap orang hend-daklah memberi undi mereka

tanpa memikirkan bahawa sudah cukup BN hanya men-dapat majoriti dua pertiga un-tuk menubuhkan kerajaan. Yang penting, kita hendaklah memberi undi kita untuk menentukan kemenangan di tempat kita," katanya.

## Dasar

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika mengadakan pertemuan dengan pekerja-pekerja BN di sini. Sebahagian besar calon BN yang bertanding bagi ka-wasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Pulau Pi-nang turut hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setiap orang, hend-daklah menentukan bahawa

BN akan mendapatkan se-banyak mungkin kerusi, jika boleh 100 peratus. Ia bukan terhad kepada dua pertiga sa-haja.

Katanya, hanya dengan so-kongan padu itu sahaja, jami-nan untuk menubuhkan se-buah kerajaan yang kuat akan dicapai.

Beliau menjelaskan, BN memerlukan sokongan rak-yat 100 peratus untuk membo-lehkannya melaksanakan seti-ap dasar untuk kepentingan semua kaum tanpa perasaan bimbang. Kerajaan yang le-mah tidak mungkin mewujud-kan sebuah negara yang aman.

Beliau berkata, kerajaan yang lemah akan hanya menyebabkan ia takut untuk

mengambil sesuatu tin-dakan kerana memikir-kan kepentingan masa depan politiknya. Kera-jaan yang lemah akan ta-kut kekurangan so-kongan. Kerajaan yang lemah akan sentiasa ta-kut ahli mereka menye-berang ke parti lain. Apa yang dilakukan terpaksa mengambil kira kepen-

tingan politiknya. Setiap dasar tidak dapat di-laksanakan jika ada pi-hak lain yang memban-tah kerana memikirkan tidak mendapat so-kongan golongan itu.

Datuk Seri Dr Ma-hathir berharap, setiap pengundi memastikan bahawa BN akan menda-pat kemenangan besar.

Katanya, soal calon bu-kanlah perkara penting. Tetapi parti yang diwaki-linya.

Meskipun tidak menyatakan dengan je-las tetapi beliau diperca-yai mematahkan isu yang dilaungkan oleh pengundi-pengundi Cina di sini bahawa mereka akan kehilangan Setia-u-saha Agung DA<sup>2</sup>, Encik Lim Kit Siang jika beliau tumpas di tangan Dr Kon Tsu Koon di kawasan Parlimen Tanjong.

Perdana Menteri ber-kata, BN sudah terbukti dapat bekerjasama dengan semua kaum di negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa keharmonian kaum ada-lah penting kerana ia menjamin keselamatan negara.